

Kenaikan tarif air sesuai dengan keadaan

semasa

SHAH ALAM, Aliran - Kenaikan kadar tarif air di Lembah Klang dan Putrajaya tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan kos yang berlipat ganda. kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Semua barang kegunaan harian dan perkhidmatan lain, termasuk kos membekal air dan elektrik, sudah naik... jadi nampak tak kena kalau kadar tarif air kekal pada tahap lama.

"Tambah pula, gaji kakitangan Jabatan Bekalan Air (JBA) juga dinaikkan 10 peratus, maka harga air pun perlu dinaikkan supaya selaras dengan peningkatan gaji ini dan kos pembekalan air semasa.

"Apa yang penting ialah peningkatan pendapatan kita lebih tinggi daripada kenaikan harga jualan barang keperluan harian seperti air serta elektrik," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di sini, hari ini.

Khamis lalu, JBA Selangor mengumumkan kadar tarif baru bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya akan dinaikkan antara 50 hingga 100 peratus tidak lama lagi.

Pengarah JBA Selangor, Che Mohamad Che Jusoh, berkata kadar tarif purata kegunaan domestik dan isi rumah sekarang ialah 77 sen setiap meter padu atau purata penggunaan bulanan ialah RM19.90.

Kali terakhir kenaikan kadar tarif dilaksanakan ialah kira-kira 10 tahun lalu dan hingga kini, JBA terpaksa menanggung semua peningkatan kos merawat dan mengendali bekalan air sepanjang tempoh itu.

Walaupun kos pembekalan air meningkat, pengguna tidak merasa bebannya kerana kerajaan negeri memberi subsidi lebih RM1 bilion setahun untuk menanggung perbezaan itu.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga menanggung kos untuk mengganti paip lama berusia lebih 20 tahun sepanjang 6,000 kilometer yang dianggarkan RM1.5 bilion.

JBA juga menanggung tunggakan tidak dibayar pengguna lebih 10 tahun lalu yang kini mencecah RM208 juta, manakala jumlah kutipan tahun lalu ialah RM493 juta.

Ditanya sama ada masalah kecekapan pengurusan air dalam JBA menjadi punca tarif air terpaksa dinaikkan, Dr Mahathir berkata, isu itu tidak timbul langsung kerana peningkatan harga merujuk kepada keadaan semasa.